

BAB 4

METODOLOGI KAJIAN

4.0 PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan pendekatan dan kaedah yang digunakan bagi mencapai kesemua objektif kajian terjemahan kata kerja BJ kepada BM dalam sari kata BM filem animasi Jepun. Perkara-perkara yang dibincangkan dalam bab ini ialah seperti berikut:

- a. Sumber yang digunakan dalam kajian
- b. Reka bentuk kajian
- c. Analisis data

4.1 SUMBER KAJIAN

Kajian terhadap terjemahan kata kerja dalam sari kata BM yang terdapat pada filem animasi Jepun ini menggunakan dua buah filem animasi Jepun, iaitu *Majo no Takkyubin* (Kiki's Delivery Service) dan *Umi ga Kikoeru* (I can hear the sea/Ocean Wave). Kedua-dua filem edaran Studio Ghibli ini yang masing-masing berdurasi 102 minit dan 72 minit merupakan antara filem-filem animasi yang popular di Jepun, malahan juga di seluruh dunia. Filem-filem animasi ini telah dialih suara atau diberi sari kata ke bahasa-bahasa utama dunia seperti bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Perancis dan bahasa Sepanyol. Filem-filem animasi terbitan Studio Ghibli tidak menyajikan unsur humor seperti filem animasi terbitan Walt Disney, tetapi meliputi aspek yang lebih luas lagi seperti sejarah, bahasa, budaya dan masyarakat Jepun. Oleh kerana itu, filem-filem animasi ini telah menarik minat bukan sahaja kalangan kanak-kanak, malahan juga

golongan dewasa. Ini kerana mereka menggunakan teknik imaginasi yang tinggi, tema cerita yang mensasarkan kepada golongan dewasa dan teknik penceritaan yang tidak konvensional (Lovgren, 2003 dalam Zaiton, 2006, hlm. 43). Filem-filem animasi ini juga seringkali dijadikan sebagai bahan tambahan dalam pengajaran dan pembelajaran BJ kerana melaluinya pelajar dapat memahami secara audiovisual bagaimana masyarakat Jepun bertutur, berkomunikasi dan berinteraksi dalam pelbagai konteks sosial dan ia juga dapat meningkatkan motivasi pelajar terhadap pembelajaran BJ.

4.1.1 Butiran dan sinopsis filem animasi *Majo no Takkyubin* 魔女の宅急便(Kiki's Delivery Service)

Filem animasi fantasi ini telah dihasilkan dan diarahkan oleh Hayao Miyazaki pada tahun 1989 dan merupakan filem animasi kelima terbitan Studio Ghibli. Filem animasi *Majo no Takkyubin* ini merupakan adaptasi daripada novel tulisan Eiko Kadono yang menggunakan tajuk yang sama. Novel ini pertama kali dicetak pada tahun 1983 oleh Fukuinkan Shoten. Walau bagaimanapun, filem animasi *Majo no Takkyubin* hanya mengambil beberapa episod sahaja daripada novel asalnya. Filem ini telah memenangi anugerah the *Animage Anime Grand Prix* pada tahun 1989. Pada tahun 1997 pula, filem animasi ini buat pertama kalinya, telah dialih suara ke bahasa Inggeris hasil usahasama Disney dan Studio Ghibli, dan seterusnya telah mengadakan tayangan perdananya di Seattle International Film Festival, Amerika Syarikat pada 23 May 1998.

Filem animasi *Majo no Takkyubin* mengisahkan kehidupan seorang remaja ahli sihir berusia 13 tahun bernama Kiki yang merantau ke daerah lain untuk menuruti tradisi seorang ahli sihir. Sebagai seorang ahli sihir yang masih dalam latihan, Kiki dikehendaki menghabiskan masa selama setahun di perantauan supaya dia boleh berdikari, di samping dapat mempraktikkan keistimewaan yang dimilikinya.

Cerita mengenai pengalaman Kiki bermula apabila dia meninggalkan daerah kelahirannya. Kiki dan Jiji, iaitu seekor kucing hitam, yang menjadi teman rapatnya telah menemui sebuah penempatan di Koriko, iaitu sebuah bandar berhampiran laut yang sangat cantik. Akibat risau dengan keselamatannya, Kiki telah berjumpa dengan beberapa orang yang akhirnya menjadi kawan-kawan dan membantu mencari tempat tinggal. Oleh kerana Kiki hanya mempunyai satu kemahiran magik sahaja, iaitu kebolehan semulajadi untuk terbang, maka dia telah membuka perkhidmatan penghantaran sebagai mata pencarian untuk menampung kehidupannya di sana.

Dalam masa yang sama, pelbagai kesulitan melanda Kiki. Dia menghadapinya dengan penuh rasa bimbang. Kiki juga bertemu dengan Tombo, seorang remaja lelaki tempatan yang terlalu obses dengan hal-hal berkaitan penerbangan dan amat mengagumi Kiki yang mempunyai kebolehan untuk terbang. Tombo juga amat menyukai Kiki. Walaupun pada mulanya Kiki bersikap agak dingin terhadap Tombo, tetapi akhirnya dia dapat menerima persahabatan mereka. Namun begitu, selepas beberapa insiden yang tidak diingini dengan kawan-kawan Tombo, Kiki menjadi dingin semula dan sangat kecewa dengan Tombo sehingga menyebabkan kuasa terbang dan kuasa bercakap yang dimiliki oleh Jiji hilang. Kiki mula berputus asa dan terpaksa memberhentikan perkhidmatan penghantarannya.

Ursula, seorang pelukis yang juga kenalan Kiki, telah datang berjumpa dengannya. Ursula mengajak Kiki menginap di pondoknya di tengah hutan. Di sana Ursula telah mengembalikan semula semangat Kiki. Oleh kerana terlalu banyak kejadian berlaku, Kiki merasa tertekan dan kesepian sehingga menyebabkan dia kehilangan segala kuasa magik yang diperolehnya. Namun, semuanya akan kembali seperti sedia kala sekiranya Kiki dapat mencari semangat yang baru.

Dengan harapan yang baru, Kiki pulang ke bandar. Semasa melawat salah seorang daripada pelanggannya, Kiki mendapat tahu kecelakaan yang menimpa Tombo yang telah diterbangkan bersama-sama kapal terbang udara panas. Kiki nekad untuk menyelamatkan Tombo. Dengan keazaman yang kuat, Kiki akhirnya dapat terbang semula dan seterusnya berjaya menyelamatkan Tombo.

4.1.2 Butiran dan Sinopsis filem *Umi ga Kikoeru* 海が聞こえる

(I Can Hear The Sea)

Ocean Wave atau *Sound of the Ocean* (edaran di Malaysia) yang juga dikenali sebagai *I Can Hear the Sea (Umi ga Kikoeru)* merupakan filem animasi TV yang diterbitkan oleh Studio Ghibli pada tahun 1993, dan telah diarahkan oleh Tomomi Mochizuki. Filem ini juga merupakan adaptasi daripada novel tulisan Saeko Himuro dengan tajuk yang sama. Laman sesawang Animé Café telah memberi 4/5 bintang kepada filem ini.

Filem *Umi ga Kikoeru* ini mula diedarkan di United Kingdom menggunakan tajuk *Ocean Waves* pada 25 Januari 2010 dengan sari kata bahasa Inggeris. Sementara itu, di Sepanyol, filem ini diedarkan oleh Aurum dalam bentuk DVD pada November 2008 dengan runut audio bahasa Sepanyol dan bahasa Jepun yang disertakan sari kata dalam bahasa Sepanyol. Tajuk filem ini adalah *Puedo escuchar ekl mar (I Can Hear the Sea)*.

Umi ga Kikoeru mengesahkan kenangan Morisaki Taku pada zaman persekolahannya. Semasa dalam perjalanan pulang ke kampung untuk menghadiri majlis perjumpaan semula kawan-kawan di sekolah tinggi, Morisaki ternampak kelibat bekas kawan sekelasnya, iaitu Muto Rikako. Lantas, Morisaki mengimbau kembali memori silam pada zaman persekolahan, terutamanya hubungan persahabatan dengan teman karibnya Matsuno Yutaka dan bagaimana konflik mula timbul sebaik sahaja Muto Rikako

berpindah ke sekolah mereka. Muto Rikako berasal dari Tokyo. Sikapnya yang agak kemodenan, suka meninggi diri, suka menyendiri dan kasar itu telah menyebabkan dia sukar diterima oleh rakan sekelas. Walau bagaimanapun, hal ini tidak menghalang Matsuno untuk menyukai Muto kerana kecantikannya. Sebagai teman rapat kepada Matsuno, Morisaki merasakan ia harus menyokong dan menghormati perasaan Matsuno terhadap Muto. Namun sebaliknya berlaku disebabkan beberapa insiden, hubungan antara Muto dan Morisaki pula yang bertambah rapat. Maka bermula konflik hubungan cinta tiga segi di antara tiga orang muda ini.

4.1.3 Sumber Medium Siaran Filem Animasi Jepun

Kajian ini memilih filem animasi *Majo no Takkyubin* dan *Umi ga Kikoeru* dalam medium DVD sebagai mod tontonan dan kajian. Jika dibandingkan dengan tayangan wayang gambar, TV atau VCD, medium DVD mempunyai pilihan runut audio yang bervariasi dengan sari kata dalam pelbagai bahasa. Pada produk DVD kedua-dua filem animasi Jepun yang dipilih ini, terdapat empat bahasa untuk runut audio, iaitu bahasa Mandarin, bahasa Kantonis, bahasa Jepun dan bahasa Inggeris. Selain kapsyen bahasa Jepun, terdapat tiga lagi sari kata bahasa asing, iaitu bahasa Mandarin, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

Ini bermakna, produk DVD ini menumpukan kepada pasaran dan tontonan yang luas melalui pasaran Asia Timur (China, Hongkong dan Taiwan dan sebahagian Asia Tenggara (Malaysia, Indonesia dan Singapura). Oleh kerana itu, runut audio dan sari kata dalam bahasa pertama negara-negara tersebut disediakan.

Secara ringkasnya, butiran produk DVD kajian adalah seperti dalam Jadual 4.1 dan Jadual 4.2.

Jadual 4.1: *Kiki's Delivery Service* DVD

Produk	DVD
Genre	Filem Animasi Jepun
Tajuk	Kiki's Delivery Service
Tahun	1989
Pengarah/Lakon layar/Penerbit	Hayao Miyazaki
Bahasa Sumber	Bahasa Jepun
Alih Suara	Bahasa Mandarin / Bahasa Kantonis / Bahasa Inggeris
Sari kata	Bahasa Mandarin / Bahasa Jepun / Bahasa Inggeris / Bahasa Melayu
Masa	102 minit

Jadual 4.2: *Sound of the Ocean* DVD

Produk	DVD
Genre	Filem Animasi Jepun
Tajuk	Sound of the Ocean
Tahun	1993
Cerita Asal	Himuro Saeko
Lakun Layar	Nakamuri Kaori
Pengarah	Tomomi Mochizuki
Bahasa Sumber	Bahasa Jepun
Alih Suara	Bahasa Mandarin / Bahasa Kantonis / Bahasa Inggeris
Sari kata	Bahasa Mandarin / Bahasa Jepun / Bahasa Inggeris / Bahasa Melayu
Masa	72 minit

4.2 JUSTIFIKASI PEMILIHAN DATA

Pemilihan data daripada kapsyen BJ dan padanan sari kata BM dalam kedua-dua buah filem *Majo no Takkyubin* dan *Umi ga Kikoeru* adalah kerana;

Sari kata merupakan antara kaedah yang paling popular dalam penterjemahan audiovisual. Sari kata digunakan dengan meluas dalam terjemahan filem, TV dan video (Gottlieb, 1998, hlm. 244). Terjemahan sari kata tidak seperti terjemahan konvensional (bertulis) yang lain kerana terjemahan sari kata dikekangi oleh oleh faktor-faktor seperti masa, ruangan dan keselarasan. Dan untuk mengatasinya teknik-teknik dan strategi-strategi yang tertentu diperlukan. Kajian berkaitan terjemahan sari kata juga merupakan perkara yang agak baru di Malaysia berbanding di Eropah. Kajian yang dibuat sebelum ini (misalnya Maserah, 2005 dan Zaiton, 2006) pula kebanyakannya mengenai pelbagai strategi dan pendekatan yang digunakan bagi menangani permasalahan yang timbul semasa terjemahan sari kata. Tidak kurang juga yang mencadangkan strategi-strategi tertentu untuk mendapatkan hasil penyarikataan yang terbaik.

Melihat kepada kepentingan terjemahan sari kata dan pekungannya di Malaysia, secara tidak langsung telah membuka jalan kepada pengkaji untuk melakukan kajian seterusnya sebagai menampung kelompangan yang ada. Di mana kajian ini memberi fokus kepada aspek gramatis iaitu terjemahan kata kerja BJ ke BM.

Pemilihan dua filem animasi Jepun *Majo no Takkyubin* dan *Umi ga Kikoeru* adalah berdasarkan kepopularan filem ini. Kedua-dua filem ini pernah menerima anugerah “The Animage Grand Prix Award” iaitu filem *Majo no Takkyubin* 魔女の宅急便 (Kiki’s Delivery Service) iaitu pada tahun 1989 dan filem terbitan tahun 1993 yang telah menerima 4/5 bintang daripada laman sesawang Animé Café iaitu *Umi ga Kikoeru* 海が聞こえる (I Can Hear the Sea/Ocean Wave). Walaupun filem ini telah diterbitkan lebih kurang dua dekad yang lalu, namun ia masih ditonton sehingga

sekarang. Filem-filem ini juga masih ditayangkan oleh persatuan-persatuan bahasa dan budaya Jepun di seluruh dunia dengan tujuan memperkenalkan dan mempelajari bahasa dan budaya Jepun. Oleh kerana kajian mengenai sari kata di Malaysia kebanyakannya lebih bertumpu kepada sari kata program TV (termasuk dokumentari, drama, sitcom dan sebagainya) seperti kajian-kajian oleh Wan Amizah (1998), Hasuria (2006) dan Maserah (2005). Oleh itu, sudah tentu program TV mempunyai lebih ramai penonton dan boleh ditonton oleh segenap masyarakat yang memiliki set TV di rumah mereka. Sari kata di TV juga lebih banyak dihasilkan memandangkan jumlah jam siaran yang ke udara setiap minggu. Selain itu, maklumat bagi program TV, termasuk rakaman visual dan salinan skrip, lebih mudah didapati berbanding filem dan video. Justeru itu, pengkaji merasakan bahawa menjadi tanggungjawab bagi pengkaji untuk menempuh segala cabaran yang ada dengan menjalankan kajian terhadap sari kata filem (dalam bentuk video), kerana dengan perkembangan dunia sekarang, sari kata filem juga tidak harus dipandang ringan.

4.3 REKA BENTUK KAJIAN

Secara keseluruhannya, kajian ini memberi tumpuan kepada terjemahan kata kerja BJ dalam kapsyen SL kepada kata kerja BM dalam sari kata. Oleh itu, pemerhatian bertumpu kepada transkripsi kapsyen bahasa Jepun dan sari kata BM yang menjadi sumber data analisis untuk kajian ini. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif. Walau bagaimanapun semasa pengkaji membuat perbandingan jumlah kata kerja daripada kedua-dua bahasa (BJ dan BM), peratusan, bilangan dan frekuensi kata kerja akan diambil kira. Data-data ini kemudiannya akan diperincikan dengan panjang lebar secara deskriptif dengan contoh-contoh yang bersesuaian.

4.3.1 Instrumen Kajian

Kedua-dua DVD filem *Kiki's Delivery Service* dan *Sound of the Ocean* yang dipilih ditonton pada skrin komputer supaya lebih mudah untuk membuat transkripsi kapsyen BJ dan sari kata BM. Ini kerana penggunaan komputer memudahkan lagi pengkaji untuk mengawal proses pemberhentian, pengulangan dan penyimpanan.

4.3.2 Prosedur

Kajian terhadap sumber animasi yang digunakan ini dilakukan untuk mencapai lima objektif yang telah digariskan dalam kajian ini.

Peringkat pertamanya, pemerhatian keseluruhan oleh pengkaji melalui tontonan pertama kedua-dua buah filem animasi yang telah dipilih iaitu *Kiki's Delivery Service* dan *Sound of the Ocean* pada skrin komputer bagi memahami perjalanan keseluruhan cerita.

Tontonan kedua pula dibuat bertujuan membuat transkripsi SL, iaitu mengambil keseluruhan kapsyen BJ dan sari kata BM. Kapsyen BJ diambil seperti yang terdapat dalam DVD asal dua filem animasi Jepun. Sari kata dua filem animasi Jepun untuk kajian ini pula diambil daripada DVD asal, iaitu pengkaji memilih sari kata BM daripada pilihan bahasa yang diberi. Pilihan bahasa yang lain adalah bahasa Mandarin, bahasa Jepun dan bahasa Inggeris. Setelah itu kedua-dua transkripsi kapsyen dan sari kata daripada kedua-dua filem animasi, masing-masing dikumpul dan disimpan dalam perisian *Microsoft Word* dan cetakan (Lampiran A dan Lampiran B) untuk digunakan dalam pemerhatian dan analisis data yang seterusnya. Turutan nombor (1, 2, 3, 4.....) diberi pada setiap kali kapsyen oleh watak yang berlainan. Nombor kapsyen dan sari kata BMnya adalah sama. Nombor-nombor ini adalah sebagai rujukan apabila analisis dibuat kelak.

Dalam masa yang sama pengkaji turut melakukan transliterasi huruf BJ ke huruf roman. Transliterasi perlu dilakukan kerana pengkaji akan menggunakan perisian *Concapp Windows Application* (Copyright © Chris Greaves 1993-2003) untuk mendapatkan senarai kata kerja yang digunakan dalam kedua-dua teks (Lampiran C), seterusnya membuat sedikit pengukuran dan perbandingan variasi leksikal dengan menggunakan perisian *Microsoft Excel*.

Peringkat keduanya adalah dengan membuat penyenaian kata kerja SL dan kata kerja TL berdasarkan Data Analisis Korpus Leksikal BJ dan BM . Data-data ini diperolehi hasil daripada analisis yang dilakukan pada kedua-dua transkripsi SL dan TL menggunakan perisian *Concapp Windows Application* (Copyright © Chris Greaves 1993-2003). Sila lihat Lampiran C.

Kata kerja-kata kerja yang telah disenaraikan ini kemudiannya dibuat pemerhatian secara menyeluruh. Pada peringkat ini pemerhatian adalah bertumpu kepada aspek leksikal (morfologi) kata kerja dalam kedua-dua teks. Pengukuran dan perbandingan adalah pada variasi kata kerja yang digunakan dalam keseluruhan kapsyen BJ (bahasa sumber) dengan sari kata BM (bahasa sasaran). Kata kerja yang sama tetapi hadir dalam bentuk yang berlainan akan dikira sebagai kata kerja yang tidak sama. Secara keseluruhan proses ini telah melibatkan 556 kata kerja BJ dan 184 kata kerja BM daripada filem 1 (*Majo no Takkyubin 魔女の宅急便*), juga 547 kata kerja BJ dan 205 kata kerja BM daripada filem 2 (*Umi ga Kikoeru 海が聞こえる*).

Seterusnya, kata kerja ini dikategorikan berdasarkan bentuk konjugasinya. Penggolongan bentuk konjugasi adalah seperti yang telah disarankan oleh Thaiyibah dan Kami (1997) dalam buku *Nahu Bahasa Jepun*. Bentuk konjugasi kata kerja kapsyen

BJ dibandingkan dengan bentuk padanan kata kerja sari kata BM. Oleh kerana kata kerja dalam BM juga sering digunakan dalam bentuk kata kerja terbitan, maka perbandingan ini dibuat bertujuan mencari pengimbuhan atau bentuk yang sesuai bagi kata kerja BM untuk satu-satu bentuk konjugasi BJ. Sekiranya pengimbuhan kata kerja BM yang digunakan tidak sesuai, pengkaji akan memberikan cadangan padanan yang baru.

Semasa proses menaip transkripsi, pengkaji turut mengeluarkan atau mengekstrak kata kerja-kata kerja yang digunakan dalam keseluruhan kapsyen BJ berserta padanannya iaitu sari kata BM yang kemudiannya di senaraikan di ruangan bersebelahan sari kata BM (Lampiran A dan Lampiran B). Ini akan memudahkan pengkaji untuk mengkategorikan kata kerja tersebut mengikut strategi-strategi penterjemahan yang digunakan. Misalnya strategi pengguguran dengan membuat perbandingan di antara kata kerja BJ dan padanannya kata kerja BM. Sebanyak 10 strategi penyarikataan yang disarankan oleh Gottlieb (1992) dan 5 strategi terjemahan kata kiasan oleh Larson (1984, hlm. 17-25) telah menjadi garis panduan kepada pengkaji untuk membuat analisis. Oleh kerana kajian ini bertumpu kepada penterjemahan kata kerja, maka pendekatan yang disarankan oleh Nida (1964), iaitu Padanan Dinamis digunakan sebagai kerangka kajian, iaitu mencari padanan terdekat yang sejadi. Padanan kata kerja yang diberikan haruslah memenuhi kesemua daripada empat keperluan asas penterjemahan Nida (Nida dan Taber, 1982, hlm. 25), iaitu:

1. masuk akal/logik
2. menyalurkan semangat dan cara asal.
3. sejadi dan ungkapan dalam bentuk yang mudah.
4. menghasilkan sambutan yang hampir sama dengan yang asal.

Padanan yang diberikan seboleh mungkin menggunakan gaya TL dalam budaya sasaran (TC) supaya impak yang akan diberi kepada pembaca TT adalah sama sebagaimana yang berlaku kepada pembaca ST. Perhatian tidak akan bertumpu kepada kesesuaian mesej di antara SL dan TL, sebaliknya akan lebih memandang berat terhadap **hubungan dinamis** (*dynamic relationship*) iaitu hubungan di antara pembaca TT dan mesej TT seharusnya benar-benar sama dengan hubungan di antara pembaca ST dan mesej ST (Nida, 1964, hlm. 159).

Ketidakpadanan pula di nilai berdasarkan tiga (3) jenis ketidakpadanan yang telah dikategorikan oleh Larson (1984) iaitu, 1) Ketidakpadanan pada rujukan, 2) Ketidakpadanan pada set semantik, dan 3) Ketidakpadanan pada budaya leksikal.


Prosedur kajian telah diringkaskan seperti dalam Rajah 4.1. Rajah tersebut adalah hasilan pengkaji.

4.4 ANALISIS DATA

4.4.1 Analisis Leksikal

Pada peringkat ini, pengukuran dan perbandingan variasi kata kerja yang digunakan dalam keseluruhan kapsyen BJ (bahasa sumber) dengan sari kata BM (bahasa sasaran) dilakukan dengan kedua-dua transkripsi SL dan TL tersebut akan dianalisis secara berasingan dengan menggunakan *Concapp Window Application* (Copyright © Chris Greaves 1993-2003) yang dimuat turun dari sumber internet. Pengukuran yang akan di kenal pasti adalah seperti berikut:

- i. Variasi kata kerja keseluruhan dalam kedua-dua teks
- ii. Perbandingan kata kerja terbanyak
- iii. Perbandingan bentuk kata kerja terbanyak



Rajah 4.1:Prosedur Kajian

4.4.2 Analisis bentuk

Bentuk konjugasi kata kerja BJ yang digunakan dalam kapsyen BJ (bahasa sumber) dan bentuk kata kerja BM dalam sari kata dibandingkan untuk mencari kesepadanan di antara kedua-duanya. Dalam kata lain, bentuk kata kerja BM yang boleh menjadi padanan akan disesuaikan dengan bentuk konjugasi kata kerja BJ. Sampel kata kerja yang dipilih akan dianalisis bersama-sama kapsyennya sekali dan akan diberi nombor seperti contoh di atas (4.3.2). Penggolongan kata kerja dalam kajian ini berdasarkan rangka penggolongan kata kerja yang disenaraikan oleh Thaiyibah dan Kami (1997) dalam bukunya yang bertajuk, *Nahu Bahasa Jepun* iaitu kata kerja bentuk negatif (*nai*), bentuk sopan (*masu*), bentuk kamus, bentuk andaian (*ba*), bentuk kecenderungan (*u/you*), bentuk (*te*), bentuk (*tai*), dan bentuk (*rentaikei*) iaitu bentuk penerang kata nama. Penggolongan kata kerja ini lebih ringkas dan mudah difahami. Tambahan pula, Thaiyibah dan Kami (1997) turut telah memberikan contoh-contoh perbandingan dengan BM dalam bukunya.

4.4.3 Analisis Makna

Sampel kata kerja yang dipilih akan dianalisis bersama-sama kapsyennya sekali dan diberi nombor seperti (F1-103), bermakna kapsyen bernombor 103 daripada filem pertama iaitu *Kiki's Delivery Service*. Pemilihan kata kerja adalah berdasarkan strategi penterjemahan yang digunakan. Kata kerja BJ (kapsyen) dibandingkan dengan padanan kata kerja BM (sari kata) untuk mengenal pasti strategi penterjemahan yang digunakan. Sebanyak 10 strategi (Gottlieb, 1992) untuk menilai mutu terjemahan sari kata akan dijadikan garis panduan, iaitu Pengembangan, Parafrasa, Pemindahan, Peniruan, Transkripsi, Penyesuaian, Ringkasan, Pemecahan, Pengguguran dan Putus Asa. Kajian ini hanya bertumpu kepada penterjemahan kata kerja sahaja. Selain itu, untuk mendapatkan padanan yang tepat, pengkaji mengambil konsep terjemahan oleh Nida

(1964), iaitu kaedah Penterjemahan Padanan Dinamis dalam menyampaikan makna daripada SL kepada dalam TL. Penterjemahan Dinamis mengutamakan ketepatan makna dan penterjemah juga hendaklah menyampaikan mesej berdasarkan cara yang boleh difahami serta sesuai dengan bahasa dan budaya masyarakat penerima. Penterjemah tidak harus menumpukan kepada stilistik atau bentuk yang terdapat dalam bahasa sumber, sebaliknya hendaklah berusaha menyampaikan kandungan mesej yang ada dengan cara dan bentuk yang paling sesuai dan hampir dengan bahasa dan budaya penerima sasaran. Sementara itu, ketidak padanan sesuatu padanan pula dilihat berpandukan tiga jenis ketidak padanan dalam sistem leksikal di antara bahasa yang telah disenaraikan oleh Larson (2003) iaitu; a) Ketidak padanan pada rujukan, b) Ketidak padanan pada set semantik, dan 3) Ketidak padanan pada budaya leksikal.

4.5 MASALAH DALAM MENGUMPUL DAN MENGANALISIS DATA

Proses transkripsi kapsyen BJ dan sari kata BM mengambil masa yang agak lama kerana dalam masa yang sama pengkaji juga melakukan transliterasi silabel BJ kepada huruf Roman. Selain daripada itu, apabila kapsyen BJ ditulis dalam huruf Roman, akan wujud kata kerja-kata kerja homonim yang agak mengelirukan, terutamanya, kata kerja yang berkonjugasi bentuk *te* dan *ta*. Seperti contoh berikut:

	bentuk kamus	bentuk <i>te</i>	bentuk <i>ta</i>
i.	行く (<i>iku</i>) pergi	<i>itte</i>	<i>itta</i>
	言う (<i>iu</i>) sebut	<i>itte</i>	<i>itta</i>
ii.	会う (<i>au</i>) jumpa	<i>atte</i>	<i>atta</i>
	ある (<i>aru</i>) ada	<i>aru</i>	<i>atta</i>

Justeru itu, untuk mengelakkan berlakunya kesilapan, pengkaji akan merujuk kepada skrip asal untuk melihat semula kata kerja ini yang ditulis dalam silabel BJ.

4.6 PAKAR RUJUK

Pengkaji telah melantik dua orang pakar rujuk untuk memastikan ketepatan maklumat dan menjadi panduan yang berkaitan dengan perterjemahan BJ ke BM dalam kajian ini termasuk kepadanan dalam memberikan cadangan padanan yang sesuai. Dua orang pakar rujuk ini telah menyemak dengan teliti penganalisan data kajian ini. Kedua-dua pakar rujuk ini mempunyai pengalaman lebih daripada sepuluh tahun dalam pembelajaran dan pengajaran BJ serta berpengalaman tinggal di Jepun. Pengetahuan mereka dalam bidang bahasa Jepun dan budaya masyarakat Jepun juga luas. Bahasa ibunda kedua-dua pakar rujuk ini adalah BM. Mereka fasih dalam BM dan mempunyai pendidikan formal dalam BM. Justeru itu kedua-dua pakar rujuk ini fasih dalam BM dan BJ. Mereka juga berpengalaman dalam penterjemahan sari kata BJ ke BM.

Dua pakar rujuk yang dilantik oleh pengkaji bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Dr. Normah Ahmad, pensyarah bahasa Jepun di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor, Malaysia
- ii. Dr. Maserah Shabudin, pensyarah bahasa Jepun di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor, Malaysia.

4.7 KESIMPULAN

Bab ini menerangkan tentang metodologi yang digunakan dalam kajian terjemahan kata kerja BJ ke BM dalam dua filem animasi Jepun. Selain dari penerangan subjek dan instrumen yang dipilih, huraian mengenai pungutan data dan analisis turut diterangkan pada bab ini.